



# MPAJ



**Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan)  
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor  
Bersama Rakyat Dan Sumbangan  
Hari Raya Berserta Perasmian Masjid Bagi  
Tahun 1436H / 2015 di Daerah Gombak**

*Menarik Di Dalam*



**15** MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA  
AIDILFITRI PERINGKAT MPAJ 1436H  
BERTEMAKAN KONSEP RETRO  
MPAJ AIDILFITRI CELEBRATION 1463H  
RETRO THEME

**20** KAYUHAN SANTAI JALUR  
GEMILANG 2015 SEMPERA  
SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN  
JALUR GEMILANG RELAXING  
CYCLING PROGRAM 2015 IN  
CONJUNCTION WITH NATIONAL  
DAY CELEBRATION







# BULETIN MPAJ

## SIDANG REDAKSI

- Penaung** Tn. Haji Abd Hamid Bin Hussain  
Yang Dipertua MPAJ
- Penasihat** Tn. Haji Hasrolnizam Bin Shaari  
Timbalan Yang Dipertua
- Ketua Editor** Pn. Rosliza Binti Mohd  
Pengarah  
Jabatan Perancangan Korporat
- Sidang Editor** Pn. Hasliana Binti Annuar Hashim  
Pn. Umi Kalthom Binti Mohd Banua
- Pembantu Penerbitan** Pn. Zaleha Binti Salleh
- Fotografi** En. Mohd Yusof Bin Yaacob


**BULETIN MPAJ BIL. 2/2015 INI DITERBITKAN OLEH**  
Jabatan Perancangan Korporat, Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah 55100 Kuala Lumpur, Selangor

### JABATAN / BAHAGIAN

- Talian Utama (Operator)
- Faksimile
- Hotline (24 Jam)
- Talian Bebas Tol Aduan
- Pantas (Bencana Alam 24 Jam)
- Kaunter Khidmat Pelanggan
  - Kaunter Pertanyaan
  - Kaunter Eksekutif Pelanggan
- Pejabat Yang Dipertua
- Pejabat Timbalan Yang Dipertua / Setiausaha
- Jabatan Perbendaharaan
- Jabatan Perancangan Korporat
- Jabatan Penguatkuasa
  - Stor
  - Trafik
- Jabatan Belia & Masyarakat
- Jabatan Bangunan & Senibina
- Jabatan Perancang Bandar
- Jabatan Kejuruteraan
- Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
- Jabatan Pelesenan
- Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan
- Jabatan Khidmat Pengurusan
- Jabatan Undang-Undang
- Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)
- Bahagian Pusat Khidmat Setempat (OSC Pembangunan)
- Bahagian Perhubungan Awam & Sekretariat
- Bahagian Ukur Bahan
- Bahagian Audit Dalam

### NO TELEFON

- 03 - 4296 8000
- 03 - 4296 8050 / 8060
- 03 - 4296 8100
- 1-800-22-8100
- 03 - 4280 9050
- 03 - 4296 8046
- 03 - 4296 8357
- 03 - 4296 8090
- 03 - 4296 8099
- 03 - 4296 8004
- 03 - 4297 5470
- 03 - 4296 8024
- 03 - 4296 8025
- 03 - 4280 7325
- 03 - 4296 8012
- 03 - 4296 8009
- 03 - 4296 8008
- 03 - 4296 5887
- 03 - 4296 8072
- 03 - 4280 3944
- 03 - 4296 8007
- 03 - 4296 8037
- 03 - 4296 8016
- 03 - 4280 4675
- 03 - 4280 5102
- 03 - 4296 8271
- 03 - 4297 4424
- 03 - 4296 8188



# Ceramah Isra' Mikraj




Bersempena dengan sambutan Isra' Mikraj 1436H, MPAJ telah menganjurkan Ceramah Isra' Mikraj yang telah disampaikan oleh Ustaz Ghazali Ibrahim pada 22 Mei 2015 bertempat di Auditorium Aras 5, Menara MPAJ. Peristiwa Isra' Mikraj memperlihatkan kemuliaan bulan Rejab yang mana Allah telah menjemput Rasulullah SAW untuk menemui-Nya. Menyedari hakikat ini, maka program ini dilaksanakan agar dapat menyingkap rahsia kebesaran malam tersebut. Ia bertujuan bagi menghayati perjalanan Rasulullah yang berlaku dalam satu malam yang penuh dengan sejarah di samping mensyukuri kebesaran, keagungan serta kemuliaan bulan Rejab. Turut hadir bagi mendengar ceramah ini adalah Timbalan Yang Dipertua, Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari serta Ketua Jabatan dalaman MPAJ. Majlis turut diserikan dengan persembahan daripada kumpulan Nasyid MPAJ.



## TALK ON ISRA' MIKRAJ

*In conjunction with the celebration of Isra' Mikraj 1436H, MPAJ has organized a talk on Isra' Mikraj presented by Ustaz Ibrahim Ghazali on 22 May 2015 at the Auditorium, Level 5, Menara MPAJ. Isra' Mikraj shows the glory month of Rajab in which Allah has invited the Prophet Muhammad SAW to meet Him. Recognizing this, the program was implemented in order to uncover the Isra' Mikraj's secret of greatness. Among the objectives of this program were to understand the journey of*

*Prophet Muhammad SAW on that special night, grateful for the greatness of Allah and to grandeur and glory the month of Rajab. Also present for the talk were MPAJ's Secretary, Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari and internal head of departments. The event was also graced by performances from the MPAJ's Nasyid group.*





Pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya dengan kerjasama Bahagian Hab Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat telah mengadakan operasi kilang pemprosesan makanan pada 28 Mei 2015 bertempat di kilang tauhu Cheong Fatt Food Sdn Bhd di alamat No. 23, Off Jalan 11, Kampung Baru Cina, Ampang. Semakan dilakukan bagi mengaudit tahap kebersihan premis di samping isu persijilan HALAL daripada pihak JAKIM. Pemeriksaan kebersihan mendapati premis dalam keadaan bersih dengan markah penggredan yang diperolehi adalah 78

(BERSIH). MPAJ sentiasa melakukan pemeriksaan di premis-premis makanan sekitar kawasan pentadbirannya bagi mengawal dan memastikan pematuan aspek kebersihan. Berdasarkan semakan melalui aplikasi semakan halal atas talian [www.halal.gov.my](http://www.halal.gov.my), syarikat Perniagaan Cheong Fatt Sdn Bhd telah pun mendapat Pensijilan Halal Malaysia.

# Ops

## Kilang Pemprosesan Makanan MPAJ Bersama JAKIM Dan PKD Hulu Langat

### INSPECTION ON FOOD PROCESSING FACTORY MPAJ IN COLLABORATION WITH JAKIM AND PKD HULU LANGAT

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) in collaboration with the Halal Hub Division, Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) and Hulu Langat District Health Office (PKD Hulu Langat) conducted an inspection on food processing plant on 28 May 2015 at Cheong Fatt Food Sdn Bhd at No. 23, Off Jalan 11, Kampung Baru Cina, Ampang. Inspection on the tofu factory was made to audit the cleanliness of the premise and to audit the halal certification from JAKIM. The premise got 78 points during the inspection and certified as CLEAN premise. MPAJ always committed in carrying out inspections on food premises under its jurisdiction area to regulate and ensure compliances in aspect of hygiene and cleanliness. Based on online application via [www.halal.gov.my](http://www.halal.gov.my), Cheong Fatt Sdn Bhd has obtained their Malaysian Halal Certification.



### KURSUS PROTOKOL MAJLIS RASMI @ HOTEL DE PALMA, AMPANG Bersama Y.Bhg. Brig. Jen (B) Dato' Mohd. Ariffin Bin Yacob

Seramai 38 orang pegawai dan kakitangan MPAJ telah menghadiri Kursus Protokol Majlis Rasmi bersama Y.Bhg. Brig. Jen (B) Dato' Mohd. Ariffin Bin Yacob, Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Majlis dan Protokol), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Kursus yang diadakan di Hotel De Palma, Ampang pada 28 Mei 2015 ini dianjurkan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan MPAJ dan ianya turut mendapat penyertaan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) lain yang ingin mendalami ilmu berkaitan protokol majlis rasmi. Antara pengisian kursus tersebut adalah (a) Protokol majlis rasmi, separuh rasmi dan tidak rasmi; (b) Keterampilan diri (gaya dan imej diri); (c) Susunan keutamaan dan panggilan hormat; (d) Gerak kerja program rasmi; (e) Persediaan senarai jemputan, jawapan dan kehadiran; (f) Persediaan keseluruhan lokasi program; (g) Tugas dan peranan penyambut tetamu; serta (h) Etika Makan. Sesungguhnya kursus ini telah banyak memberi pengetahuan kepada pegawai dan kakitangan MPAJ dalam mengurus dan mengendali program-program Majlis.



### COURSE ON OFFICIAL CEREMONY PROTOCOL @ DE PALMA HOTEL, AMPANG By Y.Bhg. Brig. Jen (R) Dato' Mohd. Ariffin Bin Yacob


A total of 38 officers and staff of MPAJ attended the course on Official Ceremony Protocol with Y.Bhg. Brig. Gen (R) Dato' Mohd. Ariffin Bin Yacob, Assistant Secretary-General (Official Ceremony and Protocol), Secretary to the Selangor State Government office. The course was held at De Palma Hotel, Ampang on 28 May 2015 organized by the Administration Department of MPAJ. It was also attended by participations from other local authorities (PBT) who want to gain knowledge on official functions protocols. Among the contents of the course are (a) Protocol during official ceremony, semi-official ceremony and unofficial ceremony; (b) Self appearance (style and self-image); (c) The priorities and deferential; (d) Work movement on official program; (e) Preparation on list of guests, invitation responses and attendance; (f) Preparation on venue of the program; (g) The roles and responsibilities of usher; and (h) Dining ethics. As a conclusion, the course has provided knowledge to the officers and employees of MPAJ in managing and organizing programs and ceremony.





## KEJOHANAN PING PONG TERBUKA MPAJ 2015

Kejohanan Ping Pong Terbuka MPAJ 2015 telah berlangsung pada 7 Jun 2015 bertempat di Galeri, Aras 4, Menara MPAJ. Kejohanan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk sekitar kawasan pentadbiran MPAJ. Ianya telah dirasmikan oleh Tn. Johari Bin Atli, Penolong Setiausaha MPAJ.



### MPAJ TABLE TENNIS OPEN TOURNAMENT 2015

MPAJ Table Tennis Open Championships 2015 was held on 7 June 2015 at the Gallery, Level 5, Menara MPAJ. The tournament received an overwhelming participation from residents staying in MPAJ area. It was officiate by Tn. Johari Bin Atli, assistant secretary of MPAJ.



## CERAMAH MAKAN TENGAHARI: PERANAN BIOTEKNOLOGI

Ceramah Makan Tengahari dengan tajuk Peranan Bioteknologi telah disampaikan oleh Professor Mongi Ferchichi, Pakar Bioteknologi dari British Columbia, Kanada pada 11 Jun 2015 bertempat di Bilik VIP, Aras 5, Menara MPAJ. Ceramah ini diadakan khas untuk Barisan Pengurusan Tertinggi, Ahli Majlis serta pegawai-pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Professional MPAJ. Program dimulakan dengan sesi ceramah berkaitan Peranan Bioteknologi dan disusuli sesi soal jawab daripada para peserta. Yang Dipertua, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain telah sudi hadir sama bagi menyerahkan cenderahati kepada penceramah. Turut hadir adalah Y.A.D. Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood. Bin Pawan Teh, Orang Besar Daerah Gombak.



### LUNCHEON TALK: THE ROLE OF BIOTECHNOLOGY

Luncheon talk on the role of biotechnology was presented by Professor Mongi Ferchichi, Biotechnology Expert from British Columbia, Canada on 11 June 2015 at the VIP Room, Level 5, Menara MPAJ. The talk was specially organized for MPAJ's Top Level Management, Council Members, and Management & Professional officers of MPAJ. The session began with a talk on The Role of Biotechnology and followed by question and answer session from the audience. MPAJ President, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain was present to hand over token of appreciation to Professor Mongi. Also present was Y.A.D. Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood. Bin Pa'wan Teh, Orang Besar for Gombak District.



Bioteknologi bermaksud ilmu yang menerapkan prinsip-prinsip biologi. Pengertian bioteknologi yang lebih lengkap adalah pemanfaatan teknik rekayasa terhadap makhluk hidup, sistem, atau proses biologi untuk menghasilkan atau meningkatkan potensi makhluk hidup serta menghasilkan produk bagi kepentingan hidup manusia. Kerajaan Malaysia mula menekankan peranan bioteknologi sebagai enjin penggerak ekonomi negara semenjak pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8). Menerusi RMK-8, National Biotechnology Policy (NBP) atau Dasar Bioteknologi Negara (DBN) dilancarkan oleh kerajaan dengan visi Peranan bioteknologi sebagai enjin ekonomi bagi memakmurkan negara pada tahun 2020. Matlamat utama penubuhan DBN ialah untuk memastikan Malaysia sebagai peneraju utama bidang bioteknologi di peringkat dunia.



Biotechnology means applying of biological principles. A more complete understanding of biotechnology is the use of engineering techniques for living things, systems or biological processes to produce or increase the potential for living organisms and products for the benefit of human life. The Malaysian government began to emphasize the role of biotechnology as an engine driving the country's economy since the implementation of the 8th Malaysia Plan (RM-8). With the RM-8, National Biotechnology Policy (NBP) was launched by the government with the vision of "The role of biotechnology as an economic engine for the prosperity of the country in 2020." The main goal of the NBP establishment was to ensure Malaysia as one of the leading biotechnology country in the world.



# HAPUSKAN NYAMUK AEDES!!!

Operasi Semburan Denggi Peringkat Negeri Selangor



Bagi memberi kesedaran kepada penduduk setempat dan pelajar sekolah di kawasan Taman Kosas tentang perlunya pencegahan penularan wabak Denggi maka satu Operasi Semburan Denggi Peringkat Negeri Selangor telah diadakan pada 11 Jun 2015 bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Kosas. Operasi yang diadakan secara kerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Gombak ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Tuan Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis, Ahli Majlis MPAJ. Majlis diteruskan dengan sesi taklimat kesedaran denggi yang disampaikan oleh En. Khairil Anuar Bin Mohamed, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran daripada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan MPAJ. Penduduk dan pelajar serta guru-guru diajar tentang cara-cara menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes. MPAJ dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Gombak seterusnya membuat semburan denggi di sekitar kawasan berkaitan.

## PERTANDINGAN ALAT KAWALAN JAUH UKRCC (Hulu Kelang Radio Control Club)

Hulu Kelang Radio Control Club atau lebih dikenali sebagai UKRCC adalah Kelab Hobi berdaftar yang bernombor pendaftaran PPM 017-14-05032014. Kelab UKRCC aktif dalam mengadakan pertunjukan dan pertandingan kawalan jauh seperti helikopter, kapal terbang dan kereta. Pada 14 Jun 2015, Pertandingan UKRCC telah diadakan di Padang AU2, Taman Keramat. Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain telah hadir bagi merasmikan pertandingan tersebut yang mana beliau diberi peluang untuk menggerakkan kereta kawalan jauh melalui trak laluan yang telah disediakan sebagai simbolik kepada perasmian. Antara kategori pertandingan yang dijalankan adalah *buggy, crawler, drift, fly* dan *truck*.


## UKRCC (HULU KELANG RADIO CONTROL CLUB) REMOTE CONTROL COMPETITION

UKRCC (Hulu Kelang Radio Control Club) is a registered hobby association with registration number of PPM 017-14-05032014. UKRCC is very active in organizing performances and competitions for radio control such as remote control helicopter, plane and car. On 14 June 2015, UKRCC Competition was held in Padang AU2 Taman Keramat. MPAJ President, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain was present to officiate the match for which he was given the opportunity to control the remote control car through the routes provided as a symbolic of the inauguration. Among the categories for the radio control competition were *buggy, crawler, drift, fly* and *truck*.



## ELIMINATE AEDES!!! Selangor State Level Dengue Fogging Operation

To create awareness among local residents and schoolchildren in Taman Kosas on the need for Dengue prevention, a Selangor State Level fogging operation was held on 11 June 2015 at SMK Taman Kosas. The operation was carried out in collaboration with the Gombak District Health Office which began with a welcome address from Tuan Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis, one of MPAJ council members. This is followed by a dengue awareness briefing delivered by En. Khairil Anuar Bin Mohamed, Assistant Environmental Health Officer from the Urban Services and Health Department of MPAJ. Residents, students and teachers were taught on how to eliminate mosquito breeding places. MPAJ in collaboration with the Gombak District Health Office then did a fogging operation around the Taman Kosas area.



## MAJLIS SUMBANGAN IHYA RAMADHAN DAN PERTANDINGAN MARHABAN

Bersempena dengan ketibaan bulan Ramadhan 1436H, MPAJ telah menganjurkan Majlis Sumbangan Ihya Ramadhan dan Pertandingan Marhaban pada 13 Jun 2015 bertempat di Auditorium, Aras 5, Menara MPAJ. Bagi sesi penyerahan sumbangan Ihya Ramadhan, sebanyak 20 masjid dan 17 surau yang menganjurkan solat Jumaat telah menerima sumbangan wang tunai sebanyak RM 1,500 bagi setiap masjid / surau yang mana jumlah keseluruhan sumbangan adalah sebanyak RM55,500. Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain telah hadir bagi menyerahkan sumbangan kepada wakil masjid dan surau pada program tersebut.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Pertandingan Marhaban yang menyaksikan saingan antara 8 kumpulan Marhaban iaitu 4 kumpulan Marhaban lelaki dan 4 kumpulan Marhaban wanita. Kumpulan Nur Jannah dari Cheras telah dinobatkan sebagai juara bagi Kategori Wanita manakala Kumpulan Nurzahrah dari Cheras menduduki tempat kedua dan Kumpulan Yadma dari Pandan Indah menduduki tempat ketiga. Juara marhaban bagi Kategori Lelaki pula adalah Kumpulan Kilauan Mutiara dari Ampang. Ini diikuti oleh Kumpulan Masjid At-Taqwa dari Selayang Baru yang dinobatkan naib juara dan Kumpulan Masjid Al-Iman dari Kemensah Height menduduki tempat ketiga. Kumpulan marhaban yang menjadi juara membawa pulang wang tunai RM 1,000 manakala tempat kedua memenangi wang tunai RM 750 dan tempat ketiga mendapat wang tunai RM 500. Tahniah diucapkan kepada para pemenang.

## IHYA RAMADHAN CONTRIBUTION CEREMONY AND MARHABAN COMPETITION

In conjunction with the arrival of Ramadan 1436H, MPAJ organized an Ihya Ramadhan donation ceremony and Marhaban Competition on 13 June 2015 at the Auditorium, Level 5, Menara MPAJ. For the donation of Ihya Ramadhan, 20 mosques and 17 surau which hosted Friday prayers received cash contributions worth RM 1,500 for each mosque / surau in which the total donation were RM 55,500. MPAJ President, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain hands over the donation to representatives of the mosques and surau during the program.

The ceremony was followed by a Marhaban competition



**Pemenang Kategori Lelaki : Winners for the Men Category:**

**JUARA/ 1st PLACE**  
Kump Kilauan Mutiara  
**NAIB JUARA/ 2nd PLACE**  
Kump Masjid At-Taqwa  
**KETIGA/ 3rd PLACE**  
Kump Masjid Al-Iman

**Pemenang Kategori Wanita : Winners for the Women Category:**

**JUARA/ 1st PLACE**  
Kump Nur Jannah  
**NAIB JUARA/ 2nd PLACE**  
Kump Nurzahrah  
**KETIGA/ 3rd PLACE**  
Kump Yadma

which involved 8 groups, 4 women team and 4 men team. A Marhaban group that named themselves as Nur Jannah got first place for the female category, while Nurzahrah got second place and Yadma got third place. For the men category, Kilauan Mutiara managed to get first place, followed marhaban team from Masjid At-Taqwa at second place and Masjid Al-Iman at third place. Champion for the Marhaban Competition walks away with cash prize of RM 1,000 while second place wins cash prize worth RM 750 and third place gets cash prize of RM 500. A big congratulation to all winners.



## PROGRAM ORIENTASI KAKITANGAN BARU MPAJ BILANGAN 1 TAHUN 2015

Seramai 57 orang kakitangan lantikan baru telah menghadiri Program Orientasi Kakitangan Baru Bil. 1/2015 pada 15 hingga 17 Jun 2015 bertempat di Bilik Kursus Aras 9, Menara MPAJ. Kakitangan baru ini telah diberi pendedahan berkaitan (a) Pengenalan MPAJ dan Sistem Pengurusan Inovasi (Amalan Persekitaran Berkualiti 5S, MS ISO 9001:2008, Kumpulan Inovatif & Kreatif, dll) MPAJ; (b) Akta Kerajaan Tempatan; (c) Kemudahan Perubatan (Klinik Panel dan Insuran); (d) Pengurusan Kewangan; (e) Kod Etika Warga Kerja MPAJ dan Kelayakan Cuti Kakitangan; (f) Taklimat ISMS; serta (g) Pengenalan Kepada KSKK.



### ORIENTATION PROGRAM FOR NEW MPAJ's EMPLOYEES 2015

A total of 57 people attended the Orientation Program for New MPAJ's Employees 2015 on 15 to 17 June 2015. All candidates have been given exposure on (a) Introduction of MPAJ and Innovation Management System (5S Quality Environment, MS ISO 9001: 2008, Innovative & Creative Circle, etc.); (b) Local Government Act; (c) Medical Facilities (Panel Clinic and Insurance); (d) Financial Management; (e) Employees Code of Ethics and Leave Entitlement; (f) Briefing on ISMS; and (g) Introduction of KSKK.



### KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN MAKANAN DI BAZAR RAMADHAN 2015 serentak di seluruh Selangor

Peniaga Bazar Ramadan diingatkan untuk sentiasa mengutamakan kebersihan penyediaan makanan dalam keghairahan berniaga dan menambah pendapatan. Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar menekankan kepentingan menjaga kebersihan bagi mengelakkan kejadian tidak diingini seperti keracunan makanan. Amalan pemakaian bersih termasuk mengenakan apron, penutup kepala, sarung tangan serta peka terhadap kelestarian persekitaran. Proses penyediaan dan penyimpanan tidak sempurna boleh menyebabkan pembiakan bakteria mengakibatkan keracunan makanan. Penduduk sekitar Ampang Jaya khususnya dan Selangor amnya dinasihatkan untuk memilih gerai bersih dan mengelak daripada mengunjungi gerai kotor. Y.B. Dato' Iskandar telah sudi hadir merasmikan Kempen Kesedaran Keselamatan Makanan di Bazar Ramadhan peringkat MPAJ di tapak Bazar Ramadhan Pandan Indah pada 20 Jun 2015 jam

### FOOD SAFETY AWARENESS CAMPAIGN IN RAMADHAN BAZAR 2015

Ramadan Bazaar traders are reminded to always give priority to the cleanliness of the food preparation. Y.B. Dato Iskandar Bin Abdul Samad, Chairman of the Standing Committee on Housing, Building and Urban Management stresses the importance of hygiene to prevent untoward incidents such as food poisoning. Clean cloths practices include wearing aprons, headgear, gloves and sensitive to the environment. Imperfect food preparation process and storage can cause bacteria to grow resulting food poisoning. Residents of Selangor are advised to select clean stalls and avoid dirty food traders. Y.B. Dato Iskandar has launched the Food Safety Awareness Campaign at Ramadan Bazaar in Pandan Indah on 20 June 2015 at 5:30 pm. The campaign, carried out simultaneously in all 12 local authorities in Selangor also includes inspection on the premises and food handlers at the Ramadhan market. Welcoming speech was delivered by MPAJ Vice President, Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari while the launching ceremony was done by Y.B. Iskandar. Both of them then inspect the cleanliness level of stalls at Pandan Indah Ramadhan Bazar and distribute recyclable food containers to replace polystyrene containers. The campaign was also calling on all traders to use food containers that are environmentally friendly and can be recycled. Y.B. Dato Iskandar also delivered prizes to the clean food handlers and circulars goodies bag to traders and visitors. This program was held with the cooperation from Hulu Langat District Health Office.

5:30 petang. Kempen yang dijalankan secara serentak di kesemua 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) Selangor ini turut disertakan pemeriksaan premis dan pengendali makanan pasar Ramadhan. Selepas ucapan aluan dan perasmian program, Y.B. Dato' Iskandar bersama Timb. Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari telah melakukan pemeriksaan ke gerai-gerai jualan makanan sambil mengedarkan bekas makanan kitar semula bagi menggantikan bekas makanan polisterin. Kempen pada hari tersebut turut menyeru kepada semua peniaga untuk menggunakan bekas makanan yang mesra alam dan boleh dikitar semula berbanding bekas polisterin. Beliau turut menyampaikan hadiah kepada para peniaga di Bazar Ramadhan Pandan Indah yang dikategorikan sebagai pengendali makanan bersih selain edaran 'goodies' kepada peniaga dan pengunjung yang hadir. Penganjuran program ini turut mendapat kerjasama daripada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Hulu Langat.



## IKRAR INTEGRITI KORPORAT, MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA



### CORPORATE INTEGRITY PLEDGE FOR AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL (MPAJ)

Corporate Integrity Pledge (CIP) is a commitment to support the principle of prevention of corruption by corporations in Malaysia. An organization that signed the CIP will declare that their agency will not be involved in any corruption.

Corporate Integrity Pledge outlines the principles that should be adopted by corporate bodies to demonstrate their commitment towards creating a business environment that is fair, transparent and free of corruption. Principles serve as guidelines on the areas that need to be focused by the agency to play a role in contributing to anti-corruption efforts in the country. It is in line with the objectives of the National Key Result Area of "Combating Corruption" under the Government Transformation Program. Corporate Integrity Pledge is an important link for the reformation in public sectors and the continuous improvement in the private sectors to spur the country's progress towards becoming a developed nation.

There are 5 principles in this Declaration, namely:

- PROMOTE** the values of transparency, integrity and good governance;
- STRENGTHENING** internal control mechanisms by incorporating elements that support the prevention of corruption;
- COMPLIANCE** laws and regulations relating to the fight against corruption;
- COMBAT** any form of corruption; and
- SUPPORTS** anti-corruption initiatives undertaken by the Government of Malaysia and the Malaysian Anti-Corruption Commission (SPRM).

Accordingly, the Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) held a special ceremony to sign the Corporate Integrity Pledge by each head of departments as representative of their department during our monthly morning assembly on 17 June 2015. The signing was witnessed by Tuan Haji Hasrolnizam Bin Haji Shaari as MPAJ Secretary and Deputy President. Also present to witness the signing of the Corporate Integrity Pledge that morning was MPAJ President himself, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain.

Ikrar Integriti Korporat (Corporate Integrity Pledge CIP) merupakan suatu komitmen bagi mendukung prinsip pencegahan rasuah oleh badan-badan korporat di Malaysia. Sesebuah organisasi yang menandatangani CIP ini akan berikrar bahawa agensi mereka tidak akan terlibat dalam sebarang jenayah rasuah.

Ikrar Integriti Korporat menggariskan prinsip-prinsip yang perlu diterima pakai oleh badan-badan korporat bagi menunjukkan komitmen mereka ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, telus dan bebas dari rasuah. Prinsip-prinsip ini bertindak sebagai garis panduan terhadap bidang-bidang yang perlu difokuskan oleh agensi bagi memainkan peranan dalam menyumbang ke arah usaha-usaha pencegahan rasuah di Malaysia. Ianya sejajar dengan objektif Bidang Keberhasilan Utama Negara iaitu Memerangi Rasuah di bawah Program Transformasi Kerajaan. Ikrar Integriti Korporat merupakan satu pertalian yang penting bagi pembaharuan yang berlaku dalam sektor awam dan penambahbaikan secara berterusan dalam sektor swasta untuk memacu kemajuan negara ke arah menjadi sebuah negara maju.

Terdapat 5 prinsip dalam Ikrar ini iaitu:

- MEMPROMOSIKAN** nilai-nilai ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik;
- MEMPERKUKUKKAN** mekanisme kawalan dalaman dengan memasukkan elemen-elemen yang menyokong pencegahan rasuah;
- PEMATUHAN** undang-undang serta peraturan-peraturan yang berkaitan dengan memerangi rasuah;
- MEMBANTERAS** sebarang bentuk amalan rasuah; dan
- MENYOKONG** inisiatif pencegahan rasuah yang diusahakan oleh Kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Selaras dengan itu, pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah mengadakan upacara khas menandatangani Ikrar Integriti Korporat oleh setiap Pengarah dan Ketua Bahagian mewakili Jabatan / Bahagian masing-masing semasa Perhimpunan Pagi Bulanan pada 17 Jun 2015. Proses menandatangani ikrar tersebut telah disaksikan oleh Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari selaku Setiausaha merangkap Timbalan Yang Dipertua MPAJ. Turut menyaksikan proses menandatangani Ikrar Integriti Korporat pada pagi tersebut adalah Yang Dipertua, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain.



### MAJLIS BERBUKA PUASA (IHYA' RAMADHAN) DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR BERSAMA RAKYAT DAN

SUMBANGAN HARI RAYA BERSERTA PERASMIAN  
MASJID BAGI TAHUN 1436H/2015 DI DAERAH GOMBAK

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan mencemar duli merasmikan Masjid Bukit Antarabangsa semasa Majlis Berbuka Puasa (Ihya Ramadhan) DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat dan Sumbangan Hari Raya bertempat di masjid tersebut pada 15 Ramadhan 1436H bersamaan 2 Julai 2015. Baginda turut menyerahkan sumbangan Hari Raya kepada fakir miskin, anak-anak yatim dan ibu-ibu tunggal. Tuanku yang berjiwa rakyat turut berbuka puasa bersama penduduk setempat, bersolat jemaah bersama serta solat tarawih. Turut hadir adalah YAB. Dato' Menteri Besar Selangor, YAB. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali bersama isteri; Ahli Parlimen kawasan; beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor; Datuk Bandar dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor; Pegawai-pegawai Daerah; Ketua-ketua Jabatan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; Ahli Majlis MPAJ; serta Ketua Jabatan dalaman MPAJ.



### THE SULTAN OF SELANGOR IFTAR PROGRAM (IHYA' RAMADHAN) 1436H AND AIDILFITRI DONATION ALONG WITH THE INAUGURATION OF BUKIT ANTARABANGSA MOSQUE

Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah launched the official opening of Bukit Antarabangsa Mosque during the Iftar (Ihya' Ramadan) and Aidilfitri Donation Program on 15 Ramadhan 1436H / 2 July 2015. The Sultan of Selangor also distributed Aidilfitri donation to the poor, orphans and single mothers. Sultan Sharafuddin then had iftar with the people of Bukit Antarabangsa area, and performed Magrib, Isya and Tarawih prayers together. Also present were The Chief Minister of Selangor, YAB. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali and his wife; few Members of Parliament; Selangor Assemblymen (ADUN); Mayors and Presidents of the Local Authorities (PBT) in Selangor; District Officials; Heads of Department from the Selangor State Secretary Office; MPAJ Council Members; and MPAJ internal head of departments.

### PERHIMPUNAN BULANAN / MONTHLY ASSEMBLY



6 MEI 2015  
JABATAN BANGUNAN DAN SENIBINA

7 JULAI 2015  
JABATAN BELIA DAN  
MASYARAKAT

4 OGOS 2015  
JABATAN PENILAIAN DAN  
PENGURUSAN HARTA

17 JUN 2015  
JABATAN UNDANG  
BAHAGIAN AUDIT  
DALAM DAN  
BAHAGIAN UKUR  
BAHAN



## PEMERIKSAAN KAWALAN HARGA BARANG PASARAYA DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN (KPDNKK)

Jabatan Pelesenan serta Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan MPAJ dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah mengadakan pemeriksaan kawalan harga barang pasaraya pada 23 Julai 2015. Pemeriksaan telah dilakukan di pasaraya The Store, Pandan Indah. Ianya dilaksanakan bagi menyemak

kedudukan harga barang-barang kawalan yang dikawal harganya secara pentadbiran oleh kerajaan. Ia juga bertujuan untuk memastikan harga yang ditetapkan oleh pihak pasaraya tidak membebankan pengguna.

### PRICE CONTROL CHECK AT SUPERMARKET

MPAJ Licensing Department and Urban Services & Health Department in collaboration with Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism has done inspection on price controls on goods sold at supermarket on 23 July 2015. The inspection was carried out at The Store, Pandan Indah. It is implemented to ensure that all supermarkets abide with the prices of government controlled goods and use reasonable prices that will not burden consumers.

## PROGRAM KONGSI REZEKI RAMADHAN

Dengan Kerjasama Prolintas Dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)

Bersempena dengan bulan Ramadhan yang mulia, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dengan kerjasama Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (Prolintas) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah menganjurkan majlis berbuka puasa iaitu Program Kongsi Rezeki Ramadhan pada 12 Julai 2015 bertempat di Galeri Aras 4, Menara MPAJ. Majlis ini diadakan bagi meraikan anak-anak yatim daripada Rumah Anak Yatim Nurhati, Taman Rasmi Jaya dan Rumah Nurraudhah, Keramat. Selain penyediaan juadah berbuka puasa yang diadakan secara gotong-royong, majlis turut diserikan dengan penyerahan sumbangan oleh Penolong Setiausaha MPAJ, Tuan Johari Bin Atli.

## RAMADHAN PROVIDENCE SHARING PROGRAM In collaboration with Prolintas and National Anti Drug Agency (AADK)

In conjunction with the holy month of Ramadhan, Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) in collaboration with Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (Prolintas) and the National Anti Drug Agency (AADK) have organized Iftar Program on 12 July 2015 at the Gallery Level 4, Menara MPAJ. The ceremony was held to celebrate the orphans from the Nurhati Orphanage House, Taman Rasmi Jaya and Nurraudhah Home Shelter, Keramat. Food for the iftar program was prepared through gotong-royong among the staff of MPAJ, Prolintas and AADK while the giving of Aidilfitri donation was made by the MPAJ Assistant Secretary, En. Johari Bin Atli.

## Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat MPAJ 1436H Bertemakan Konsep Retro

Pada 30 Julai 2015, Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1436H bertempat di Galeri Aras 4, Menara MPAJ. Majlis yang bertemakan Retro tersebut telah disambut meriah dengan setiap jabatan / bahagian menghias dan menggayakan 'booth' makanan dan minuman masing-masing mengikut era retro 50an, 60an dan 70an. Majlis ini turut dihadiri oleh Y.B. Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi, Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; Barisan Yang Dipertua daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sekitar Selangor; Pegawai-pegawai Daerah daripada Pejabat Tanah dan Daerah sekitar Selangor; serta wakil-wakil daripada agensi luar. Bagi memeriahkan lagi program pada hari tersebut, beberapa pertandingan antara jabatan bahagian dalaman telah dianjurkan. Tempat pertama bagi kategori Gerai Tercantik dimenangi oleh Jabatan Perancangan Korporat manakala tempat kedua dimenangi oleh Jabatan Undang-undang. Tempat ketiga pula dimenangi oleh Jabatan Bangunan & Senibina. Beberapa pegawai dan kakitangan MPAJ turut menerima hadiah bagi anugerah pakaian terbaik mengikut kategori. Semoga semangat kerjasama dan hubungan erat di kalangan warga kerja MPAJ kekal selamanya.

## MPAJ AIDILFITRI CELEBRATION 1463H RETRO THEME

On 30 July 2015, Ampang Jaya Municipal Council has organized an Aidilfitri celebration 1436H at Gallery Level 4, Menara MPAJ. Each department and division decorated their food stall based on the retro concept of the 50s, 60s and 70s. The ceremony was also attended by Y.B. Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi, Selangor State Secretary; Presidents of the Local Councils (PBT) in Selangor area; District Officers from the District Land Office in Selangor; as well as representatives from external agencies. To spice up the program, competitions between departments and divisions were held. Corporate Planning Department got first place for the Most Creative Food Stall Decoration while second place goes to the Legal Department. Third place was won by the Building and Architecture Department. Some of the officers and staff of MPAJ also received prizes for the best costume award categories. May the team work spirit among MPAJ employees remain forever.





# Pertandingan Tarian

ANTARA TADIKA MPAJ 2015



# MPAJ INTER KINDERGARTEN DANCE COMPETITION 2015

A total of 10 kindergartens have joined the MPAJ Inter Kindergarten Dance Competition 2015 that was held on 12 August 2015 at the Auditorium Level 5, Menara MPAJ. Each group which consisted of 10 dancers was given 5 minutes to perform their dance move. The dance was judge based on four criteria that were performance style (40%); creativity (30%); clothes and make-up (20%); and a smoothness and music (10%). All 10 groups have shown great and amusing performance. First place goes to Funkids Child Development Centre which received a cash prize of RM 1,000, trophy and certificate. Second place goes to AL-Ilmu Kindergarten which walks away with RM 800 cash, trophy and certificate. Sang Kancil Cerdik Kindergarten comes in third with RM 600 prize money, certificate and trophy. The prize giving ceremony was officiated by MPAJ Vice President, Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari accompanied by Director of Youth and Community Department, En. Khairilazhar Bin Ismail.



Sebanyak 10 buah tadika telah menyertai Pertandingan Tarian Antara Tadika MPAJ 2015 yang telah diadakan pada 12 Ogos 2015 bertempat di Auditorium Aras 5, Menara MPAJ. Setiap kumpulan yang dianggotai oleh 10 orang penari diberi masa 5 minit bagi mempersembahkan tarian masing-masing. Skema pemarkahan dilihat dari sudut gaya persembahan (40%); kreativiti (30%); pakaian dan solekan (20%); serta kelancaran dan muzik (10%). Setiap kumpulan telah memperlihatkan persembahan yang menarik dan mencuit hati. Tempat pertama dimenangi oleh Tadika Funkids Child Development Centre yang membawa pulang wang tunai RM 1,000 beserta sijil dan trofi. Tempat kedua dimenangi

oleh Tadika AL-Ilmu yang membawa pulang wang tunai RM 800, sijil dan trofi. Tadika Sang Kancil Cerdik pula menduduki tempat ketiga dengan hadiah kemenangan RM 600, sijil dan trofi. Hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari dengan diiringi oleh Pengarah Jabatan Belia dan Masyarakat, En. Khairilazhar Bin Ismail.

# KURSUS PENGURUSAN ASET

Dalam usaha memperkemaskan pengurusan aset di MPAJ, Kursus Pengurusan Aset telah dianjurkan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan MPAJ pada 24 Ogos 2015 bertempat di Hotel De Palma, Ampang. Kursus yang disampaikan oleh En Muhammad Zahri Bin Mohd Hassan, Penolong Setiausaha di Unit Pengurusan Aset, Kementerian Kewangan Malaysia telah dihadiri oleh 30 orang pegawai dan kakitangan dari setiap jabatan dalaman MPAJ. Setiap pegawai yang menghadiri kursus ini seterusnya telah diminta untuk menyemak dan memastikan pengurusan aset di jabatan masing-masing berada dalam keadaan yang terkawal dan terbaik.

# ASSET MANAGEMENT COURSE

In an effort to streamline the management of assets in MPAJ, an Asset Management Course was organized by our Administration Department on 24 August 2015 at De Palma Hotel, Ampang. The course was delivered by En. Muhammad Zahri Bin Mohd Hassan, Assistant Secretary from the Asset Management Unit, Ministry of Finance. 30 officers and staff from each internal department of MPAJ attended the course. Each participant who attended the course subsequently was asked to check and ensure that the asset management in their departments is in good control.







## KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR KE-28 TAHUN 2015

**QUARTZ** ▶ JUARA KATEGORI TEKNIKAL  
**ACE 10** ▶ NAIB JUARA KATEGORI PENGURUSAN DAN ANUGERAH PAMERAN TERBAIK

Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah menghantar dua (2) pasukan bagi menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor ke-28 Tahun 2015 yang telah berlangsung pada 25 dan 26 Ogos 2015 bertempat di Dewan Jubli Perak, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Kumpulan Quartz yang terdiri daripada pegawai daripada Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan serta Jabatan Perancangan Korporat telah mempertaruhkan tajuk "Lambakan Sampah Pada Sistem Perparitan Utama Tidak Terkawal" melalui kategori Teknikal. Kumpulan Ace10 pula yang terdiri daripada pegawai daripada Jabatan Perbendaharaan telah menegenahkan tajuk "Kesukaran Memantau Tempoh Tamat Tempat Letak Kereta Bermusim" melalui kategori Pengurusan. Kumpulan diadili daripada sudut dokumentasi, persembahan, sesi soal jawab dan pameran. Kumpulan Ace10 telah berjaya menduduki tempat kedua bagi Kategori Pengurusan dan merangkul hadiah Pameran Terbaik keseluruhan. Kumpulan Quartz pula telah berjaya merangkul juara bagi Kategori Teknikal sekaligus melayakkan diri bagi mewakili Selangor ke Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan 2015.

## 28TH SELANGOR PUBLIC SERVICE INNOVATIVE AND CREATIVE CIRCLE (ICC) CONVENTION 2015

**QUARTZ** ▶ 1ST PLACE FOR TECHNICAL CATEGORY  
**ACE 10** ▶ 2ND PLACE FOR MANAGEMENT CATEGORY AND BEST EXHIBIT AWARD

Two (2) teams from Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) participated in the 28th Selangor Public Service Innovative and Creative Circle (ICC) Convention 2015 which was held on 25 and 26 August 2015 at the Dewan Jubli Perak, Selangor State Secretary Office. ICC Quartz consisting of officers from the Engineering Department, Urban Services and Health Department as well as Corporate Planning Department competed with the title "Uncontrollable Dumping of Waste Dumping in the Main Drainage System for the technical category. ICC Ace10 consisting of officers from the Finance Department competed with the title "Difficulty in Monitoring the Expiry of Sesional Parking under management category. All ICC groups were judged based on documentation, presentation, question and answer sessions, and exhibitions. ICC Ace10 got second place in the Management Category and was named Best Overall Exhibition. ICC Quartz won first place for the Technical Category which qualified them to represent Selangor at the National Level Public Service Innovation Arena 2015.



## KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE WILAYAH TENGAH 2015 ANUGERAH EMAS BUAT QE TLK DAN ICC E'ZY

Kumpulan QE TLK dan ICC E'zy telah mewakili Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di dalam Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah Tengah yang berlangsung pada 27 Ogos 2015 bertempat di Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur. Kumpulan QE TLK telah membawa tajuk "Pemeriksaan Pengurusan Tempat Letak Kereta di MPAJ Melalui Kaedah QE 5S" manakala kumpulan ICC E'zy telah mempersembahkan tajuk "Sistem Perangkap Minyak (Komunal) Tersumbat di Medan Selera Milik Majlis". Kedua-dua kumpulan telah berjaya mendapat pengiktirafan tertinggi Emas yang melayakkan mereka untuk mara ke peringkat Kebangsaan.

Majlis penutup Konvensyen Team Excellence Wilayah Tengah ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI); YB

## CENTRAL REGION TEAM EXCELLENCE CONVENTION 2015 Gold Award for QE TLK and ICC E'zy

QE TLK and ICC E'zy represented Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) in the Central Region Team Excellence Convention which took place on 27 August 2015 at Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur. QE TLK presented their project that is Empowerment of Parking Management in MPAJ via QE 5S Method" while ICC E'zy presented their project "Blockage of Oil Trap System (Communal) At MPAJ's Food Court". Both groups successfully achieved the highest recognition which is Gold Award that entitles them to compete in the national level convention.



Datuk Hj Ahmad Hj Maslan. Turut hadir pada majlis ini ialah Timbalan Ketua Pengarah MPC, Y.Bhg. Tn. Hj. Ab Rahim Yusoff. Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah Tengah pada kali ini telah berjaya mengumpulkan seramai 938 peserta dan 102 kumpulan dari 56 organisasi dengan jumlah penjimatan kos dari aktiviti penambahbaikan produktiviti yang telah direkodkan oleh kumpulan-kumpulan tersebut adalah sebanyak RM 304 juta.

The closing ceremony of the Central Region Team Excellence Convention was officiated by the Deputy Minister of International Trade and Industry (MITI); YB Datuk Hj Ahmad Hj Maslan. Present at the ceremony were the Deputy Director of MPC, Y.Bhg. Tn. Hj. Ab Rahim Yusoff. The 2015 Central Region Team Excellence Convention has brought together 938 participants and 102 groups from 56 organizations with a total cost savings of RM 304 million.





## KAYUHAN SANTAI JALUR GEMILANG 2015 SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN



## JALUR GEMILANG RELAXING CYCLING PROGRAM 2015 IN CONJUNCTION WITH NATIONAL DAY CELEBRATION

In conjunction with the 58th Malaysian Independence Day celebrations, MPAJ has organized Jalur Gemilang Relaxing Cycling program on 30 August 2015 at Padang Perbandaran, Pandan Indah. The cycling program which was held from 7 am to 11 am has managed to collect a total of 300 participants from various background and ages. In addition to the cycling activity that was aim to promote healthy lifestyles, a number of activities were held such as fancy dress and bike contest, assemble and disassemble of bicycle parts competition, slow bike cycling competition, coloring contest and sweepstakes. MPAJ President, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain together with the internal head of departments of MPAJ participated in the cycling activities.

Bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke-58, MPAJ telah menganjurkan program Kayuhan Santai Jalur Gemilang 2015 pada 30 Ogos 2015 bertempat di Padang Perbandaran, Pandan Indah. Program kayuhan basikal yang berlangsung dari jam 7 pagi hingga jam 11 pagi itu telah berjaya mengumpul sebanyak 300 penyertaan daripada pelbagai golongan dan peringkat umur. Selain aktiviti berbasikal bagi mempromosikan gaya hidup sihat, beberapa aktiviti turut diadakan seperti Pertandingan Pakaian dan Hiasan Basikal Tercantik Mengikut Tema, Pertandingan Buka dan Pasang Basikal Terpentas, Pertandingan Basikal Perlahan, Pertandingan Mewarna dan Cabutan Bertuah. Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain bersama-sama Ketua Jabatan dalaman MPAJ telah turut serta di dalam aktiviti kayuhan santai ini.



## LAWATAN DARIPADA MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA) Penandaarasan Fungsi di Jabatan Khidmat Pengurusan MPAJ

MPAJ telah menerima kunjungan daripada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pada 7 Mei 2015 bagi menandaaras beberapa fungsi di Jabatan Khidmat Pengurusan MPAJ iaitu Pengurusan Aset dan Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK); Pengurusan Setor; Pengurusan Barang Rampasan; Pelupusan Aset; serta Pengurusan dan Penyelenggaraan Kenderaan Majlis. Taklimat telah disampaikan oleh En. Mohamad Yusuf Bin Sulaiman, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MPAJ dan dibantu oleh wakil-wakil jabatan dalaman MPAJ bagi sesi soal jawab. Pembentangan telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 16, Menara MPAJ. Para delegasi kemudiannya dibawa melawat ke Setor Alat Tulis Sepusat MPAJ di Aras 15 sebelum dibawa melawat ke Bengkel / Setor MPAJ di Pandan Indah.

## VISIT FROM SHAH ALAM CITY COUNCIL BENCHMARKING ON ROLES OF MPAJ ADMINISTRATION DEPARTMENT

MPAJ received a visit from Shah Alam City Council (MBSA) on 7 May 2015 to benchmark the roles of MPAJ Administration Department which covered the scope of Asset Management and JKPAK; Store Management; Management of Confiscated Goods; Disposal of Assets; and Management and Maintenance of MPAJ Vehicles. Briefing was given by En. Mohamad Yusuf Bin Sulaiman, Director of Administration Department and assisted by the internal department representatives during the question and answer session. The presentation was held at the Level 16 Meeting Room, Menara MPAJ. The delegation was then taken to the Stationery Concentric Store at Level 15 and MPAJ Storeroom in Pandan Indah.

## LAWATAN DARIPADA DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (DBKU) Penandaarasan Pembudayaan ICT, Pengurusan Lesen Premis, Perniagaan Dan Syarat-Syarat Pemasangan Sengkuap Di Kawasan Komersial

Datuk Bandar Kuching Utara, Datuk Haji Abang Abdul Wahap Bin Haji Abang Julai bersama 9 orang Ketua Jabatan dan pegawai daripada Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) telah melawat ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pada 15 Mei 2015 yang lalu. Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain telah sudi meluangkan masa untuk mengadakan sesi ramah mesra bersama Datuk Bandar Kuching Utara di pejabat rasmi beliau. Kedua-dua pemimpin pihak berkuasa tempatan ini telah bertukar-tukar pendapat tentang beberapa isu yang melibatkan PBT. Lawatan kemudiannya diteruskan dengan sesi taklimat dan diskusi di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 16, Menara MPAJ. Program dimulakan dengan ucapan aluan daripada Timb. Yang

Dipertua, Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari dan diikuti dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Puan Marlina Binti Mohamad, Pengarah Jabatan Pelesenan MPAJ. Antara isu yang diperbincangkan adalah berkaitan pengurusan dan pembudayaan ICT, pengurusan dan penguatkuasaan lesen premis perniagaan, serta syarat-syarat pemasangan sengkuap di kawasan komersial. Lawatan ini dilihat positif dalam mengeratkan hubungan antara kedua-dua PBT.

## VISIT FROM KUCHING NORTH CITY HALL

Kuching North Mayor, Datuk Haji Abang Abdul Wahap Bin Haji Abang Julai along with 9 Heads of Department and officers from Kuching North City Hall (DBKU) visited Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) on 15 May 2015. MPAJ President, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain had a friendly session with the Mayor of Kuching North in his official office at Menara MPAJ. The two local authorities leaders exchanged opinion on several issues regarding local authorities. This was followed by a briefing and discussion at the Meeting Room, Level 16, Menara MPAJ. Welcoming speech was given by Deputy President, Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari and was followed by a briefing session by Puan Marlina Binti Mohamad, Director of MPAJ Licensing Department. Among the issues discussed were related to the management and development of ICT, management and enforcement of business license, and rules on canopy installation in commercial area. It was a positive visit in strengthening relationship between the two local authorities.





## LAWATAN PENANDAARASAN KE MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR (MBAS) PENGURUSAN MS ISO / IEC 27001:2013

Jabatan Perancangan Korporat, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah mengadakan lawatan penandaarasan ke Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) pada 24 Mei 2015 bagi melihat dan mempelajari pengurusan MS ISO / IEC 27001:2013 sebagai salah satu usaha untuk memperkasakan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (Information Security Management System - ISMS) di MPAJ. Pihak MBAS telah sudi berkongsi pengalaman dan pengurusan MS ISO / IEC 27001:2013 dengan wakil daripada MPAJ. Di samping itu, pihak MPAJ turut berkongsi beberapa pengalaman dan kepakaran dalam bidang pembangunan sistem secara dalaman selain melakukan installasi Sistem Arces iaitu sistem yang mengurus dan mengendalikn proses penyediaan dokumen perjanjian yang telah dibangunkan sendiri oleh pihak MPAJ.



### VISIT TO ALOR SETAR CITY COUNCIL (MBAS) MANAGEMENT OF MS ISO / IEC 27001:2013

MPAJ Corporate Planning Department visited Alor Setar City Council (MBAS) on 24 May 2015 to benchmark the management of MS ISO / IEC 27001:2013 as an effort to strengthen the information security management system (ISMS) in MPAJ. MBAS was willing to share their experience and management of MS ISO / IEC 27001:2013 with MPAJ. In addition, MPAJ also share some of our experiences and expertise in developing system by using internal resources. MPAJ also installed Arces System, a system that manages and controls the process of preparing agreement documents that was developed in-house by ICT Division for MPAJ Legal Department.



### VISIT FROM KOTA BHARU MUNICIPAL COUNCIL ~ ePBT COMPUTER SYSTEM

Five (5) officers from Kota Bharu Municipal Council, Kelantan visited MPAJ on 20 August 2015. The reason for the visit was to benchmark the usage of ePBT computer system in MPAJ. Presentation was given by En. Mohd Ariff Bin Jaafar from ICT Division, Corporate Planning Department with the help from Finance Departments officers.



## LAWATAN PENANDAARASAN DARIPADA MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU ~ SISTEM ePBT

Seramai lima (5) orang pegawai daripada Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan telah melawat ke MPAJ pada 20 Ogos 2015 bagi melihat pengurusan dan pengendalian Sistem ePBT di MPAJ. Sesi taklimat telah disampaikan oleh En. Mohd Ariff Bin Jaafar daripada Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Perancangan Korporat MPAJ dengan dibantu oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Perbendaharaan MPAJ.

## LAWATAN DARIPADA AHLI PARLIMEN SUDAN (DARFUR) Peranan Wanita Dalam Pentadbiran MPAJ dan Kerajaan Negeri Selangor

Seramai 10 orang ahli parlimen daripada Darfur, Sudan telah mengadakan lawatan ke MPAJ pada 4 Jun 2015. Delegasi turut disertai oleh dua orang pegawai pengiring dan seorang penterjemah. Sesi lawatan turut disertai oleh Ahli Parlimen Ampang, YB. Puan Zuraida Binti Kamaruddin; Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita Dan Keluarga, YB. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi; pegawai daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; serta pengarah-pengarah jabatan dalaman MPAJ. Sesi pembentangan telah disampaikan oleh Puan Rosliza Binti Mohd, Pengarah Jabatan Perancangan Korporat MPAJ dengan dibantu oleh seorang penterjemah Bahasa Arab. Tujuan lawatan ini adalah bagi melihat penglibatan wanita dalam barisan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Selangor berbangga kerana YB. Puan Hannah Yeoh adalah merupakan Speaker Dewan Undangan Negeri wanita pertama di Malaysia. Selangor juga mempunyai dua (2) orang Exco wanita daripada 10 orang Exco yang dilantik serta 15 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) wanita di Selangor. Penglibatan wanita dalam pentadbiran MPAJ turut dilihat positif di mana 7 daripada 24 orang Ahli Majlis MPAJ adalah wanita manakala 7 orang daripada 17 orang Pengarah jabatan dalaman MPAJ juga adalah wanita. Statistik ini menunjukkan bahawa MPAJ dan kerajaan Negeri Selangor memberi ruang yang secukupnya bagi golongan wanita di dalam pentadbirannya. Barisan delegasi turut diberi penerangan berkaitan peranan media dalam usaha mempromosikan usaha-usaha pemerkasaan pentadbiran di MPAJ.



### VISIT FROM SUDAN MEMBERS OF PARLIAMENT (DARFUR STATE) WOMEN IN THE ADMINISTRATION OF MPAJ AND SELANGOR STATE GOVERNMENT

10 Members of Parliament from Sudan (Darfur State) visited MPAJ on 4 Jun 2015. The delegation was accompanied by two escort officers and a translator. The session was also attended by Ampang Parliament Member, YB. Puan Zuraida Binti Kamaruddin; Standing Committee Chairman of Health, Welfare, Women and Family Development, YB. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi; officers from Selangor State Government; and Directors of MPAJ Internal Departments. Presentation was given by Puan Rosliza Binti Mohd, Director of Corporate Planning Department that was assisted by an Arabic Translator. The purpose of the visit was to see the involvement of women in the administration of Selangor State Government and administration of Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ). Selangor made a record among Malaysian women when YB. Puan Hannah Yeoh appointed as the youngest and the first woman to be appointed as the Speaker for the Selangor State Legislative Assembly. 2 out of 10 Selangor Exco members are women while 15 of Selangor's Assemblymen are women. Women's participation in the administration of MPAJ was also positive when 7 out of 24 MPAJ Council Members are women, while 7 of the 17 internal departments directors are also women. These statistics show that MPAJ and the Selangor State Government provide sufficient space for the women in its administration. Delegations were also briefed on roles of media in promoting empowerment efforts in MPAJ administration.

### STUDY VISIT FROM UiTM PENANG DIPLOMA IN ENVIRONMENTAL HEALTH

A total of 50 students of Diploma in Environmental Health from Universiti Teknologi MARA (UiTM) Penang organized a study tour to MPAJ to study the work scope of Assistant Environmental Health Officer. The visit is a good exposure for the students to know the duties and roles of Environmental Health graduates in the local authorities (PBT). The welcome speech was delivered by Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari, MPAJ Deputy President while the presentation was given by En. Khairil Anuar Mohamed, Assistant Environmental Health Officer from the Urban Services and Health Department.



### LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARIPADA UiTM PULAU PINANG DIPLOMA KESIHATAN PERSEKITARAN

Seramai 50 orang pelajar jurusan Diploma Kesihatan Persekitaran daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang telah mengadakan lawatan sambil belajar ke MPAJ bagi melihat skop tugas Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran. Lawatan ini dilihat positif bagi memberi pendedahan kepada para pelajar ini tentang bidang tugas dan peranan yang dimainkan oleh graduan lulusan Kesihatan Persekitaran di pihak berkuasa tempatan (PBT). Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua MPAJ manakala sesi taklimat telah disampaikan oleh En. Khairil Anuar Mohamed, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran daripada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan MPAJ.



## PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN PELAN TAMBAHAN DAN UBAHSUAI BANGUNAN



### Petunjuk:

PBS - Pengarah Bangunan dan Senibina  
AR - Arkitek  
(PPS)K - Penolong Pegawai Senibina Kanan  
PPS - Penolong Pegawai Senibina  
PT - Pembantu Tadbir  
PO - Pembantu Operasi

### Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

Jabatan Bangunan dan Senibina,  
Aras 10, Majlis Perbandaran Ampang Jaya,  
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah,  
55100 Kuala Lumpur, Selangor  
Tel: 03-4296 8009 Faks: 03-4296 1326  
E-mel: [bangunan@mpaj.gov.my](mailto:bangunan@mpaj.gov.my)